

**MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS JAWI DALAM KALANGAN PELAJAR  
KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH MANANIYAH**

Mohd Rashidi Omar<sup>1b</sup>, Muhammad Zulazizi Mohd Nawi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Kolej Komuniti Chenderoh*, <sup>2</sup>*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**ARTICLE INFO**

*Article history:*

Received 1 November 2023

Accepted 20 November 2023

Published 30 November 2023

*Keywords:*

Pembelajaran Bermakna

Institut Pendidikan Guru

\* Corresponding author. E-mail address:

[mohd.rashidi@kkche.edu.my](mailto:mohd.rashidi@kkche.edu.my)

**ABSTRACT**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis jawi dalam kalangan pelajar kolej komuniti dengan menggunakan tiga langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah. Berdasarkan ujian pra kemahiran menulis jawi yang dijalankan hampir 60 peratus dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh yang tidak boleh membaca dan menulis tulisan jawi dengan baik dan lancar bahkan ada yang langsung tidak boleh membaca dan menulis jawi sekaligus mereka tidak boleh membaca al-Quran dengan baik. Kaedah Mananiyah dipilih oleh pengkaji kerana kaedah ini mempunyai beberapa kaedah yang mudah dan sesuai untuk semua peringkat. Untuk kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan teknik gantian abjad rumi ke jawi dan tiga tingkah langkah ajaib sahaja untuk kemahiran asas tulisan jawi. Responden kajian ini adalah seramai 30 orang pelajar Kolej Komuniti Chenderoh yang mengambil kursus Modul Pendidikan Islam. Kaedah kajian yang digunakan ialah ujian pra dan ujian pasca merangkumi soalan kemahiran menukar dari huruf rumi kepada huruf jawi, ujian kemahiran mengubah kedudukan asal huruf tersebut dari kiri ke kanan kepada kanan ke kiri dan ujian kemahiran mencantum huruf jawi dengan betul supaya membentuk satu perkataan. Hasil kajian menunjukkan perbezaan nilai purata di antara Ujian Pra dan Pos. Nilai purata bagi Ujian Pra adalah 39.7 manakala nilai purata bagi Ujian Pos adalah 95.8. Perbezaannya adalah sebanyak 56.1. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa selepas pelajar menggunakan tiga langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah, pelajar dapat menguasai tulisan jawi dengan baik. Oleh itu, objektif bagi kajian ini adalah tercapai dan boleh diperluaskan penggunaannya kepada pelajar yang lain.

**PENGENALAN**

Menurut Shakila Ahmad (2011), tulisan jawi berperanan penting sebagai alat komunikasi dan medium pengembangan ilmu dalam masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam ke alam Melayu. Ianya tidak asing dalam kehidupan masyarakat pada ketika itu bermula dari raja, pembesar negara, ulama, saudagar sehingga kepada rakyat jelata. Tulisan jawi dikatakan berasal daripada tulisan Arab ini terus berkembang sehingga ke hari ini. Namun penggunaannya kini amat terhad dan tidak digunakan secara menyeluruh menyebabkan ianya makin dipinggirkan terutama dalam kalangan masyarakat Melayu.

Menurut Hashim Musa (2006), orang Arab adalah orang yang mula-mula menggunakan sistem tulisan Arab untuk menulis bahasa Melayu yang dikenali sebagai tulisan jawi. Ini bermakna orang Melayu telah menerima tulisan jawi secara langsung daripada orang Arab dan akhirnya terbentuklah satu sistem tulisan yang mengandungi abjad yang terdiri dari 29 abjad Arab sedia ada dan lima abjad baharu yang mewakili bunyi dalam bahasa Melayu iaitu cha (ڇ), nga (ڻ), pa (ڻ), ga (ڻ) dan nya (ڻ). Seterusnya Zamri Murah dipetik dari Hashim Musa, pada tahun 1984 satu lagi huruf baharu yang ditambah bagi mewakili abjad v iaitu va (ڻ). Pada tahun 1988, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan 37 abjad jawi yang digunakan dalam bahasa Melayu (Azniah Ismail, 2004). Walaupun tulisan jawi mengalami penambahan huruf dari semasa ke semasa namun ramai dalam kalangan pengkaji menyatakan bentuk dan bunyinya berasal dari tulisan Arab malah bentuk tulisan dan bunyi bagi abjadnya yang asal tetap sama dengan apa yang terkandung dalam tulisan Arab.

Rajah: 1 Huruf-huruf Hijaiyyah

ا	ب	ت	ث	ج	ح	خ
د	ذ	ر	ز	س	ش	ص
ض	ط	ظ	ع	غ	ف	ق
ك	ل	م	ن	و	ه	ء
ي	پ	غ	ڦ	ڇ	ة	ڻ
ى	ڦ					

Sumber: Shakila Ahmad (2011)

Menurut Ahmad Farid (2005), sebelum kedatangan Islam orang Melayu pernah menggunakan beberapa jenis tulisan antara sistem skrip Pallava dan skrip Kawi. Tulisan jawi mula digunakan sejak abad ke 10 masih semasa kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu. Pada awal kemerdekaan Tanah Melayu, tulisan jawi masih lagi banyak digunakan oleh orang Melayu sama ada untuk urusan harian mahupun untuk proses pembelajaran dan pengajaran. Ianya masih digunakan di sekolah-sekolah dan majoriti orang Melayu menguasai tulisan tersebut. Namun, dengan perubahan masa dan dasar-dasar yang diperkenalkan, penguasaan tulisan jawi dalam kalangan orang Melayu terutamanya generasi muda makin terhakis.

Mata pelajaran jawi hanya menjadi mata pelajaran sampingan dan hanya para pelajar aliran agama sahaja yang menggunakannya. Itupun dalam mata pelajaran yang berkait dengan agama Islam sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan kemahiran jawi dalam kalangan orang Melayu Islam kian terpinggir. Penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu telah membawa pelbagai perubahan dan cabaran terhadap bangsa dan bahasa Melayu. Antaranya peranan tulisan jawi sebagai lambang kedaulatan bangsa dan bahasa Melayu telah dinafikan dengan memperkenalkan tulisan rumi (Shakila, 2011). Tulisan jawi diketepikan sehingga ramai dalam kalangan orang Melayu yang buta jawi dan menganggapkan ia hanya sesuai digunakan dalam pembelajaran tidak rasmi. Justeru, huruf jawi akan dipelajari secara tidak langsung semasa mempelajari al-Quran kerana bagi orang Melayu, belajar al-Quran adalah satu kewajibian bagi setiap individu muslim. Sebenarnya kemahiran membaca dan menulis jawi mempunyai hubungan yang rapat dengan kebolehan menguasai pembacaan al-Quran (Faridah Mohamed, 1997). Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati sejumlah 60 peratus pelajar sekolah rendah gagal membaca al-Quran dan daripada jumlah tersebut didapati bahawa ada kalangan pelajar yang tidak langsung mengenal huruf jawi (Berita Harian, 1994). Sehinggalah ke hari ini, penggunaan tulisan jawi dilihat semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh penggunaan tulisan jawi tidak lagi diaplikasikan oleh masyarakat Melayu itu sendiri dan tidak lagi prihatin terhadap penggunaannya. Walaupun terdapat beberapa usaha untuk mengembalikan kegemilangan tulisan jawi.

Di Kolej Komuniti Chenderoh, pengkaji telah menjalankan pemerhatian dan ujian pra kemahiran asas menulis jawi kepada para pelajar yang mengambil kursus Pendidikan Islam. Pengkaji mendapati bahawa, hampir 60 peratus pelajar tidak boleh membaca tulisan jawi dengan lancar dan terdapat juga pelajar yang langsung kita mengenali dan mengetahui tulisan jawi. Sehubungan itu, pengkaji mengambil langkah melaksanakan kajian ini dan mendedahkan kepada pelajar kaedah mudah menguasai tulisan jawi dengan menggunakan teknik gantian abjad rumi ke jawi dan 3 langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah yang diperkenalkan oleh Ustaz Abdul Manan bin Haji Ali untuk melihat keberkesanan kaedah ini di samping menyingkap apakah faktor sebenar yang menyebabkan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh tidak begitu mahir dan meminati tulisan jawi sedangkan mereka adalah generasi pelapis yang akan mempertahankan warisan budaya bangsa berdasarkan perkaitan rapat tulisan jawi dengan pendidikan Islam.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan pemerhatian semasa tadarus al Quran dan ujian pra kemahiran asas menulis jawi yang dijalankan terhadap 30 orang pelajar. Hanya 13 orang sahaja boleh membaca dan menulis jawi dengan baik dan sederhana. Daripada jumlah tersebut hampir 60 peratus pelajar masih tidak boleh membaca dan menulis tulisan jawi dengan baik dan lancar bahkan ada yang langsung tidak boleh membaca dan menulis menulis jawi sekaligus mereka tidak dapat membaca al Quran. Menurut Ahmad Murad Muhidun, terdapat ramai pelajar sekolah agama yang tidak mahir dan kekok dalam penggunaan tulisan, ejaan dan bacaan jawi (Berita Harian, 27 Februari 2006). Keadaan ini telah menyukarkan para pelajar untuk mempelajari mata pelajaran yang menggunakan tulisan jawi sepenuhnya seperti penggunaan buku teks jawi pendidikan Islam. Manakala Ahmad Faisal (2009) merumuskan penguasaan tulisan jawi dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam dalam kajiannya adalah berada pada tahap rendah.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masalah penguasaan tulisan jawi antaranya kurang minat, sistem dan kaedah tulisan jawi dan penggunaan tulisan jawi itu sendiri. Berdasarkan latihan yang diberikan kepada pelajar, mereka gagal mengenal huruf, menyambung huruf-huruf jawi yang diberikan sedangkan kemahiran menyambung huruf-huruf jawi ini sepatutnya dikuasai pelajar pada peringkat sekolah rendah lagi. Kebanyakan pelajar juga kurang berkemahiran menukar perkataan daripada huruf rumi kepada huruf jawi. Contohnya kekeliruan mengenai huruf "s" kepada "shad" untuk perkataan solat. Oleh itu, kajian ini akan memberikan penumpuan kepada pembelajaran 3 langkah ajaib Kaedah Mananiyah dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh.

Oleh sebab itulah, kajian ini adalah berbentuk kajian tindakan bagi membantu pensyarah untuk membuat tindakan susulan. Pengkaji memfokuskan kepada teknik gantian abjad rumi ke jawi dan 3 langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah iaitu menukar dari huruf rumi kepada jawi, mengubah kedudukan asal huruf tersebut dari kiri ke kanan kepada kanan ke kiri dan mencantum huruf jawi dengan betul supaya membentuk satu perkataan. Kajian ini akan dijalankan di Kolej Komuniti Chenderoh fokus terhadap satu kelas sahaja iaitu seramai 30 orang pelajar Kolej Komuniti Chenderoh yang mengambil kursus modul Pendidikan Islam. Pemilihan satu kelas adalah sebagai permulaan untuk melihat keberkesanan kaedah Mananiyah sebelum diperkenalkan kepada keseluruhan pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis jawi dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh. Sehubungan itu, kajian ini juga dijalankan bagi meningkatkan kemahiran menulis jawi dengan menggunakan teknik gantian abjad rumi ke jawi dan 3 langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam metodologi dan perlaksanaan kajian ini, tinjauan masalah berdasarkan pemerhatian dan ujian pra bertulis kepada 30 orang pelajar dalam kelas Sijil Kulinari 1. Melalui pemerhatian semasa program tadarus al Quran dan ujian pra kemahiran menulis jawi, majoriti pelajar tidak boleh membaca al Quran dengan lancar dan tidak boleh membaca menulis jawi dengan baik bahkan ada yang langsung tidak tahu membaca dan menulis jawi. Sehubungan itu, pengkaji menjalankan kajian tindakan dengan memperkenalkan kaedah Mananiyah kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis dan membaca jawi dalam kalangan pelajar. Ujian bertulis Pra dan Pos menggunakan soalan yang sama terhadap 30 pelajar sebelum dan selepas pelajar menggunakan 3 langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah.

Ujian ini meliputi Ujian Penguasaan Jawi dengan menguji:

- a) Kemahiran menukar dari huruf rumi kepada huruf jawi
- b) Kemahiran mengubah kedudukan asal huruf tersebut dari kiri ke kanan kepada kanan ke kiri
- c) Kemahiran mencantum huruf jawi dengan betul supaya membentuk satu perkataan

Sebanyak 10 soalan dikemukakan kepada pelajar untuk menguji kemahiran membaca dan menulis jawi sebelum dan selepas diperkenalkan kaedah Mananiyah. Analisa tinjauan masalah pula adalah berdasarkan kaedah pemerhatian dan ujian pra kemahiran menulis asas jawi. Berdasarkan pemerhatian semasa program tadarus al-Quran, lebih 50 peratus pelajar Kolej Komuniti tidak boleh membaca al-Quran dengan baik dan lancar bahkan ada yang tidak tahu membaca langsung dan mengenal huruf. Sehubungan itu, satu ujian pra secara bertulis untuk menguatkan dan mengesahkan dapatkan diperolehi melalui pemerhatian yang dijalankan. Berikut adalah analisa dapatan ujian pra

Hasil dapatan ujian pra seperti Jadual 1. Dapatan ujian pra menunjukkan terdapat terdapat 13 orang pelajar memperolehi markah lulus dan 17 orang pelajar memperolehi markah gagal bahkan terdapat 2 pelajar yang memperolehi markah 0. Selepas ujian pra dijalankan, didapati keputusannya majoriti pelajar tidak dapat menguasai tulisan jawi dengan baik. Kemudian, pengkaji memperkenalkan kaedah Mananiyah kepada pelajar. Pelajar diajar mengenai 3 langkah ajaib Kaedah Mananiyah sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 2, 3 dan 4.

Seterusnya, soalan diedarkan kepada pelajar. Pelajar dikehendaki menukar dari huruf rumi kepada huruf jawi, mengubah kedudukan asal huruf tersebut dari kiri ke kanan kepada kanan ke kiri dan mencantum huruf jawi dengan betul supaya membentuk satu perkataan

**Jadual 1: Analisa Ujian Pra**

<b>Responden</b>	<b>Markah (%)</b>	
	<b>Ujian Pra</b>	<b>Keputusan</b>
R1	30	Gagal
R2	20	Gagal
R3	10	Gagal
R4	70	Lulus
R5	40	Gagal
R6	30	Gagal
R7	70	Lulus
R8	70	Lulus
R9	80	Lulus
R10	90	Lulus
R11	60	Lulus
R12	30	Gagal
R13	30	Gagal
R14	50	Lulus
R15	30	Gagal
R16	90	Lulus
R17	10	Gagal
R18	10	Gagal
R19	90	Lulus
R20	40	Gagal
R21	0	Gagal
R22	0	Gagal
R23	10	Gagal
R24	20	Gagal
R25	60	Lulus
R26	60	Lulus
R27	80	Lulus
R28	90	Lulus
R29	40	Gagal
R30	20	Gagal

<b>Keputusan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lulus	13 orang	43.3
Gagal	17 orang	59.7
<b>Jumlah</b>	<b>30 orang</b>	<b>100</b>

- a) Kemahiran menukar dari huruf rumi kepada huruf jawi

**Jadual 2: Penukaran Huruf Rumi kepada Jawi**

	<b>P</b>	<b>A</b>	<b>D</b>	<b>I</b>
<b>L1</b>	ڦ	ا	د	ي

- b) Kemahiran mengubah kedudukan asal huruf tersebut dari kiri ke kanan kepada kanan ke kiri

**Jadual 3: Penukaran Huruf Asal**

	<b>P</b>	<b>A</b>	<b>D</b>	<b>I</b>
<b>L1</b>	ڦ	ا	د	ي
<b>L2</b>	ي	د	ا	ڦ

- c) Kemahiran mencantum huruf jawi dengan betul supaya membentuk satu perkataan

**Jadual 4: Pencantuman Huruf**

	<b>P</b>	<b>A</b>	<b>D</b>	<b>I</b>
<b>L1</b>	ڦ	ا	د	ي
<b>L2</b>	ي	د	ا	ڦ
<b>L3</b>	فادي <input type="checkbox"/>			

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

Jadual 5 menunjukkan perbandingan gred markah Ujian Pra dan Pos. Pencapaian pelajar dalam ujian pos menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Semasa Ujian Pra dilaksanakan hanya 4 orang sahaja yang mendapat gred A dan 59.7% pelajar adalah gagal. Manakala keputusan ujian pos menunjukkan 100% pelajar mendapat gred A. Ini menunjukkan bahawa 3 langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam penulisan jawi.

**Jadual 5: Perbandingan Gred Markah**

Responden	Markah (%)		Markah (%)	
	Pra	Gred	Pos	Gred
R1	30	F	100	A
R2	20	F	90	A
R3	10	F	100	A
R4	70	B-	100	A
R5	40	F	90	A
R6	30	F	100	A
R7	70	B-	100	A
R8	70	B-	100	A
R9	80	B+	90	A
R10	90	A	100	A
R11	60	C	95	A
R12	30	F	85	A-
R13	30	F	95	A
R14	50	F	95	A
R15	30	F	100	A
R16	90	A	100	A
R17	10	F	90	A
R18	10	F	100	A
R19	90	A	100	A
R20	40	F	90	A
R21	0	F	100	A
R22	0	F	90	A
R23	10	F	98	A
R24	20	F	100	A
R25	60	C	100	A
R26	60	C	95	A
R27	80	B+	100	A
R28	90	A	100	A
R29	40	F	100	A
R30	20	F	100	A

**Jadual 6 : Perbandingan Antara Ujian Pra & Pos**

	Ujian Pra	Ujian Pos	Perbezaan
Purata	39.7	95.8	56.1

Jadual 6 di atas menunjukkan perbezaan purata di antara Ujian Pra dan Pos. Nilai purata bagi Ujian Pra adalah 39.7 manakala nilai purata bagi Ujian Pos adalah 95.8. Perbezaan min adalah sebanyak 56.1. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa selepas pelajar menggunakan 3 langkah ajaib dalam Kaedah Mananiyah pelajar lebih menguasai tulisan jawi. Oleh itu, objektif bagi kajian ini adalah tercapai.

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa, kaedah Mananiyah dapat meningkatkan penguasaan tulisan jawi kepada pelajar. Namun, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk kajian pada masa akan datang.

Antaranya cadangannya ialah :

- i. Aspek-aspek kemahiran jawi yang diuji juga perlu diperluaskan tidak hanya memfokuskan kepada 3 langkah ajaib. Terdapat beberapa teknik dalam kaedah Mananiyah yang masih belum didedahkan kepada pelajar antaranya formula sambungan jawi, huruf-huruf vokal dan huruf mahram dan ajnabi.
- ii. Memperkenalkan kaedah penulisan jawi baharu kepada pelajar berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- iii. Menggunakan tulisan jawi secara meluas dalam aktiviti yang dijalankan di kolej komuniti supaya para pelajar dibiasakan dengan tulisan jawi dan mempelbagaikan aktiviti untuk menarik minat mereka untuk menguasai tulisan jawi.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan oleh pensyarah bagi meningkatkan penguasaan tulisan jawi. Diharapkan kajian tindakan ini dapat membantu pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan penguasaan tulisan jawi. Sehubungan itu, pensyarah hendaklah mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar bagi memudahkan pelajar menguasai jawi.

## RUJUKAN

- Abdul Manan bin Hj Ali. (2005). Doktor Jawi Bestari Jawi 4 Jam Kaedah Mananiyah, Akademi Al Marbawi.
- Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, Noralina binti Abdullah (2009). Penggunaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan : Jurnal Al Tamaddun, Bil 4 (2009) 145-156.
- Ahmad Farid bin Abdul Jalal, Yaakub bin Isa (ed.) (2005), Tulisan Jawi: Warisan Budaya Tidak Nyata, Tulisan Jawi: Sejarah, Seni dan Warisan, Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Azniah Ismail (2004). Transformasi Kod Aksara Berasaskan Unicode Untuk Skrip Jawi. Disertasi Sarjana, Fakulti Teknologi Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Mohamed. (1997). Bahasa al-Quran dan Hubungannya Dengan Tulisan Jawi: Suatu Kajian Terhadap Pelaksanaan Tulisan Jawi Di Sekolah-sekolah Kota Bharu, Kelantan Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Hashim Musa. (2006). Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi. Edisis Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mansor Fadzil. (2003). Prinsip Teknologi Pengajaran, Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.  
<http://www.usm.my/education/publication/JP> P(161-172) pdf.

Mustafa Hj Daud,(1993). Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Percetakan Sumber Sdn. Bhd.

Nik Rosila Nik Yaakob. (2007). Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat Dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari (2011). Tulisan Jawi Sebagai Warisan Peradaban Bangsa : Analisa Dari Aspek Cabaran Semasa. Johor: UTHM

Siddiq Fadzil Dr Prof Madya, Olahan oleh: Marzulina Omar, Kemelut Tulisan Sinar Rohani, 2006/1426H Bil: 35.

[ \_\_\_\_\_, 60% Tidak Dapat Baca al-Quran, Berita Harian, 29 Mac 1994, hlm. 20]